

Krisis Datuk Kelana Ke-10

12.1.87

mungkin ke Mahkamah Tinggi

SEREMBAN, Sabtu — Krisis perlantikan Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10 yang berlarutan hampir empat tahun mungkin dirujuk ke Mahkamah Tinggi dalam usaha mencari jalan penyelesaian yang boleh diterima oleh semua anak Waris berkenaan.

Proses undang-undang adalah langkah terakhir yang boleh diambil oleh ibu-ibu soko dan anak-anak Waris berkenaan bagi menamatkan krisis itu jika segala usaha yang dijalankan menemui kebuntuan.

Satu sumber tertinggi adat berkata beberapa kumpulan ibu soko dan anak Waris daripada Perut Ulu sedang menimbang cadangan untuk merujuk kes itu ke mahkamah sebagai usaha terakhir

bagi memecahkan kebuntuan itu.

"Sebelum ini, beberapa cadangan termasuk penubuhan sebuah suruhanjaya bebas dan jawalankuasa penyiasat dikemukakan oleh beberapa kumpulan anak Waris tetapi tidak mendapat perhatian daripada pihak berkuasa.

"Oleh itu, kini hanya tinggal satu sahaja lagi pilihan bagi semua ibu soko dan anak Waris iaitu merujuk krisis ini ke mahkamah," kata sumber itu.

Bellau berkata jika ibu-ibu soko dan anak-anak Waris merujuk kes ini ke mahkamah, maka salah satu dokumen yang dianggap penting dalam usaha memecahkan kebuntuan itu ialah Terombo Luak Sungai Ujong.

Menurut sumber itu, krisis perlantikan Datuk Kelana ke-10 sebenarnya dapat diselesaikan 'kurang daripada lima minit sahaja' jika

Terombo itu diumumkan kepada semua pihak berkenaan.

Terombo ini, katanya kini mungkin berada dalam simpanan salah seorang daripada empat Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong.

"Tetapi malangnya, ada pihak tertentu yang sengaja membantah cadangan supaya isi kandungan Terombo itu diumumkan semata-mata kerana ingin menjaga kepentingan mereka sendiri.

"Inilah sebenarnya yang menjadi batu penghalang kepada beberapa cadangan yang dikemukakan oleh pelbagai pihak bagi menamatkan krisis ini," katanya.

Jawatan Undang Luak Sungai Ujong ke-10 kosong berikutan kematian Undang kesembilan, Allahyarham Datuk Kelana Mohd Kassim Datuk Nika Haji Abdul Rashid pada 28 Oktober 1983.